

Lima Pasukan UMS jadi Finalis MyINOVASI 2014 serta Terima RM5,000

KOTA KINABALU: Lima pasukan yang dihantar Universiti Malaysia Sabah (UMS) dalam MyINOVASI 2014 terpilih sebagai antara 50 finalis dalam pertandingan akhir yang akan berlangsung pada 15-16 Disember 2014.

Kelima-lima pasukan tersebut menjadi pilihan para juri melalui beberapa projek inovasi iaitu Pembersih Pantai, Sistem Pendingin Perhentian Bas Mesra Alam, Penapis Air Hujan Tanah Liat Hibrid, 'Porous Pavement' dan 'Coconut Gravel'.

Menurut penyelia projek berkenaan, Prof Madya Dr Nurmin Bolong dari Fakulti Kejuruteraan, kekuatan projek-projek inovasi tersebut dijangka akan memberi impak dan manfaat secara langsung kepada industri dan masyarakat, di samping menanam sifat keprihatinan terhadap keperluan masyarakat dan alam sekitar.

Ujarnya, kelima-lima finalis itu turut menerima cek bernilai RM5,000 dalam satu majlis di Wilayah Persekutuan Putrajaya.

Dalam pada itu, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Prof. Madya Dr. Ismail Ali



(gambar) turut melahirkan rasa bangga dengan pencapaian tersebut.

Katanya, kejayaan itu juga sekali gus mampu memangkin budaya inovasi agar terus menjadi amalan warga kampus khususnya dalam kalan-

gan siswa siswi.

"Kita mahukan budaya inovasi yang berimpak tinggi ini akan terus mekar subur dalam UMS selaku gedung ilmu pengajian tinggi ke arah melahirkan graduan-graduan yang

berdaya saing dan modal insan berminda kelas pertama," tambahnya lagi.

MyINOVASI 2014 yang mendapat penyertaan 1,250 pasukan kali ini menyaksikan 20 pasukan dari In-

stitusi Pengajian Tinggi Awam terpilih untuk ke peringkat akhir, manakala selebihnya adalah dari Institusi Pengajian Tinggi Swasta, Politeknik, Kolej Komuniti dan Institut Perguruan (IPG).

N&T
16-10-2014
1P

TERIMA
CEK ...
Pasukan
UMS
menerima
cek
bernilai
RM5,000